

03/08/2005

Hishammuddin-AP

PEMUDA UMNO MAHU ISU AP DISELESAIKAN SEGERA

PUTRAJAYA, 3 Ogos (Bernama) -- Pemuda Umno mahu kontroversi yang menyelubungi pengeluaran permit import (AP) diselesaikan segera, kata ketua Pergerakan itu Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Beliau berkata isu itu telah berlarutan terlalu lama tanpa penjelasan memuaskan dan mencetuskan isu-isu berkaitan lain yang perlu dijawab.

"Satu, membabitkan hubungan antara bekas perdana menteri kita dan (Datuk Seri) Rafidah (Aziz). Saya berpendapat ia sangat penting dalam konteks sistem nilai kita yang perlu diselesaikan segera.

"Kedua, isu dasar kereta nasional, bagaimana AP akan menjejaskan kereta nasional kita, Proton," kata Hishammuddin yang juga Menteri Pelajaran selepas mempengerusikan mesyuarat pasca kabinet kementerian itu di sini.

Beliau diminta mengulas pendirian Pemuda Umno mengenai isu yang timbul berikutan "perselisihan" antara bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan Rafidah, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, membabitkan pemberian AP untuk mengimport kereta.

Hishammuddin berpendapat ia adalah tugas Rafidah untuk menjawab segala dakwaan membabitkan pengeluaran AP seperti yang diarahkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ditanya mengapa Rafidah tidak hadir pada mesyuarat kabinet hari ini, Hishammuddin berkata: "Anda kena tanya dia. Saya tidak tahu sebabnya. Saya rasa dia tidak sihat."

-- BERNAMA

NJ RIZ JK LAT